

Tajol serah kepada PM lantik pengerusi

BH - 8 JUN 2000

IPOH, Rabu — Menteri Besar, Datuk Seri Diraja Tajol Rosli Ghazali, menyerahkan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan ahli Majlis Tertinggi (MT) parti.

Beliau berkata, Dr Mahathir memiliki hak prerogatif untuk melantik ahli yang difikirkan layak menduduki jawatan berkenaan, walaupun ia bukan di kalangan Menteri Besar atau Ketua Menteri.

“Pelantikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan ahli MT adalah hak prerogatif Presiden parti.

“Bagisaya, sesiapa yang dilantik kita akan setuju,” katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco di pejabatnya, di sini hari ini.

Tajol Rosli berkata demikian ketika mengulas bayangan yang dibuat oleh Dr Mahathir bahawa Menteri Besar dan Ketua Menteri tidak semestinya dilantik menjadi Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri atau sebagai ahli MT.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, perkara itu tidak semestinya terjadi walaupun kelazimannya Menteri Besar dilantik mengetuai Badan Perhubungan Umno negeri masing-masing.

Mesyuarat MT kelmarin belum memutuskan pelantikan Pengerusi Badan Perhubungan negeri dan 10 anggota MT yang dilantik. Pelantikan itu dijangka dibuat sebelum mesyuarat MT akan datang iaitu dalam tempoh dua minggu lagi.

Perlembagaan Umno memperuntukkan 35 kerusi MT iaitu 25 daripadanya diisimelalui pemilihan Perhimpunan Agung, manakala 10 lagi dilantik oleh Presiden.

Isu pelantikan Menteri Besar dan Ketua Menteri sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri timbul ekoran kekalahan beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam pemilihan parti 11 Mei lalu.

Tajol Rosli yang memenangi kerusi MT dalam pemilihan parti lalu berkata, adalah tidak wajar beliau sebagai penyandang jawatan memberi ulasan mengenai pelantikan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

“Lagipun saya baru beberapa bulan (menyandang jawatan Menteri Besar). Tak tahulah, terpulang pada Perdana Menteri, kita setuju (apa saja keputusan Dr Mahathir),” katanya.